

Headline	Dokumentari Jins Shamsudin, Kembara Seorang Seniman di TV1		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	STAIL	Color	Black/white
Page No	M5	ArticleSize	507 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,152	PR Value	RM 3,456



# Dokumentari Jins Shamsudin, Kembara Seorang Seniman di TV1

**KETIKA** era kejatuhan filem Melayu, beliau lantang menyuarakan garis panduan yang perlu ada, bagi memajukan semula industri perfileman di Malaysia.

Beliau seorang tokoh besar yang mempunyai visi, menerka masa depan kemajuan filem Malaysia.

Beliau dimaksudkan ialah Tan Sri Dr. Jins Shamsuddin.

Babak-babak menarik yang membongkar sisi berbeza, kepribadian dan perjuangan beliau dalam industri seni tanah air diketengahkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam dokumentari lima episod bertajuk *Jins Shamsudin: Kembara Seorang Seniman* mulai 8 Jun ini, setiap Ahad, pukul 10.05 malam di TV1.

Peminat pelakon, pengarah dan tokoh seni kebanggaan negara ini berpeluang mengenali dengan lebih dekat lagi aktor yang sinonim dengan watak ejen perisik Jefri Zain ini.

Kembara Seorang Seniman bakal mengupas perjalanan kisah Tan Sri Dr. Jins Shamsud-

din yang ketika zaman mudanya terkenal dengan sikap sangat tegas, tinggi integriti diiring disiplin diri yang mantap.

Sedikit latar belakang beliau pernah melanjutkan pengajian dalam bidang perfileman di London Film School pada tahun 1970-1972 dan menerima diploma dengan kelas pertama, Tahun 1999, dia menerima Ijazah Kehormat Sarjana Persuratan daripada Universiti Sains Malaysia dan pada 24 Mac 2010 pula, Jins menerima Ijazah doktor falsafah (PhD) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena konvokeyen ke-23.

Antara tajuk menarik yang di ketengahkan dalam dokumentari menarik ini termasuklah dalam episod *Pengarah* yang cuba menyingkap kisah lepas di Tasik Gelugor, 21 Ogos 2011.

Seorang pemimpin pihak politik telah membangkitkan isu berkenaan sejarah peristiwa Bukit Kepong.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin menerima tempas berkenaan isu tersebut.

Kreabilitinya telah dipersoal dalam mengarahkan filem berunsur sejarah peristiwa Bukit Kepong ini.

Turut diselitkan pandangan personaliti lain tentang Filem Bukit Kepong, arahan Tan Sri Datuk Jins Shamsudin juga pengalaman pelakon yang pernah berlakon di bawah arahan beliau.

Tajuk ini nyata menunjukkan tahap kesungguhan Tan Sri Datuk Jins Shamsudin dalam satu-satunya karyanya.

Menerusi episod *Aktivis* pula saksikan sisi berbeza beliau bermula dari saat memceburkan diri ke dunia seni, Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin sedar, wataknya sebagai hero tidak terhad di dunia layar.

Lebih daripada itu, sifat wira-nya perlu diterjemahkan secara realiti.

Semangat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin dalam memertabatkan industri filem

Malaysia dan karakter beliau sewaktu menjadi Yang Di Pertua Kesatuan Pekerja di Jalan Ampas dikongsi bersama peminat dalam episod ini.

Nyata sikap Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin memang disenangi secara peribadi.

Sumbangan beliau turut dikongsi dalam episod *Tokoh* yang menunjukkan kontribusi Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin dalam menaikkan nama anak seni.

Usaha beliau sangat tinggi di dalam bidang perfileman Melayu.

Begitu juga tahap kecintaan beliau terhadap dunia filem dan keinginnya yang tinggi dalam perjuangan melihat bidang filem berada di kelas tersendiri.

Menariknya penonton turut peluang mengikuti sesi temu bual bersama Putera Hang Nadim, anak beliau yang sudi berkongsi bagaimana cara mendapat inspirasi yang diterimanya selaku anak seorang pejuang filem Melayu.

Headline	Dokumentari Jins Shamsudin, Kembara Seorang Seniman di TV1		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	07 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	STAIL	Color	Black/white
Page No	M5	ArticleSize	507 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,152	PR Value	RM 3,456



**TOKOH**  
seniman  
terkenal tanah  
air, Tan Sri  
Dr. Jins  
Shamsuddin.

